

# Pegawai kerajaan jangan amal sikap 'ya tuan' - Najib

Oleh HABIBAH OMAR

**PUTRAJAYA** 3 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan pegawai kerajaan supaya mendengar serta memahami dengan baik setiap keputusan dasar yang disampaikan oleh menteri dan tidak mengamalkan sikap 'ya tuan' terhadap semua perkara.

Tegas Timbalan Perdana Menteri, ini kerana pegawai berhak memberi teguran atau pandangan kepada menteri berkaitan sesuatu keputusan yang diterima sebelum dasar itu dilaksanakan.

Menurutnya, teguran itu boleh diterima oleh menteri kerana mereka bukanlah angkuh atau bengis sehinggakan teguran pegawai tidak boleh diterima.

"Sebagai contoh, apabila kita jumpa atau panggil pegawai minta lakukan sesuatu, biasanya perkara itu dilakukan, namun ada pegawai yang terlalu ghairah sehinggakan belum habis ayat, dia dah kata setuju.

"Kita boleh terima teguran, tapi apayang saya pantang kalau keputusan dah buat, pegawai tak mahu melaksanakan keputusan. Tolong jangan buat begitu kerana di peringkat pelaksanaan, kalau ada masalah, (ia) boleh balik kepada kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Najib berkata, jika ada persefahaman dan hubungan dengan cara itu, beliau percaya Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan dapat dilaksanakan sebaik-baiknya.

Lagipun, kata beliau, kerajaan mempunyai pelbagai perancangan termasuk pembangunan wilayah yang akan dilaksanakan pada Ogos ini yang merupakan satu gagasan hebat dan menuntut kepada kerjasama, sokongan serta kesetiaan.

"Malaysia kini berada di peringkat yang paling kritikal kerana berdepan dengan ujian terbesar daripada peringkat merumuskan dokumen dasar hingga kepada mendapat kelulusan, semuanya telah dilakukan.

"Inilah yang akan menentukan segalanya, jika penghujungnya baik, biasanya Malaysia boleh dianggap telah berjaya," katanya.

Najib turut berkongsi pengalaman berhubung konsep perkhidmatan melampau kebiasaan yang boleh difikirkan dan



NAJIB Tun Razak berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi (kiri) dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

**Kita boleh terima teguran, tapi apa yang saya pantang kalau keputusan dah buat, pegawai tak mahu melaksanakan keputusan.**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Timbalan Perdana Menteri

diterjemahkan dalam kegiatan seharian kakitangan awam.

"Contohnya telefon operator, kalau sebelum ini kita angkat selepas enam deringan, kini kita cuba angkat pada tiga deringan dengan menjawabnya dalam nada yang baik dan bersopan, maka kita telah lakukan sesuatu melampaui kebiasaan.

"Begitu juga masa proses, permohonan

yang ambil masa sebulan, kalau dapat pendek ke dua minggu, kita telah dapat lakukan sesuatu," katanya.

Beliau turut menarik perhatian mengenai rencana dalam majalah *The Economist* tahun lalu membandingkan antara Malaysia dan Ghana yang kedua-duanya mencapai kemerdekaan pada tahun yang sama iaitu 1957.

Najib berkata, kesimpulan dalam rencana tersebut ialah Malaysia telah mencapai kejayaan berlipat ganda berbanding Ghana.

Katanya, jika diukur dari segi pendapatan perkapita, Malaysia melebihi tiga kali ganda berbanding Ghana.

"Begitu juga dari segi pembangunan infrastruktur dan kejayaan pendidikan.

"Namun, Malaysia tidaklah sehebat Ghana dalam bidang bola sepak," katanya,

Sehubungan itu, kata beliau, faktor kejayaan negara berbanding Ghana ialah kerana Malaysia berjaya membina institusi dan salah satu yang terpenting ialah perkhidmatan awam.